

PELUANG KERJAYA



SURUHANJAYA
PERKHIDMATAN AWAM
MALAYSIA

Kami sedang mencari individu untuk menyertai perkhidmatan awam yang mempunyai ciri-ciri keperibadian berikut:

- Keterampilan yang baik;
- Semangat yang tinggi dalam bekerja secara berkumpulan;
- Bakat kepimpinan;
- Ciri-ciri jati diri yang cemerlang; dan
- Kelayakan profesionalisme yang sesuai dengan jawatan.



**IJAZAH
PENGURUSAN
DAN
PROFESIONAL**



ARKITEK GRED J41

**KEMENTERIAN KERJA RAYA
MALAYSIA**

Kekosongan : 8

Simpanan : 10

1. Syarat Lantikan

- (a) warganegara Malaysia;
- (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
- (c) memiliki:
 - (i) Ijazah Sarjana Muda/ Sarjana Seni Bina dengan pengiktirafan Bahagian II oleh Lembaga Arkitek Malaysia (LAM) yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; dan
 - (ii) berdaftar sebagai Arkitek Graduan dengan Lembaga Arkitek Malaysia.

2. Syarat Kelayakan Bahasa Melayu

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/ Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

3. Syarat Peningkatan Secara Lantikan

Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Penolong Pegawai Seni Bina adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Arkitek Gred J41, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:

- (a) (i) mempunyai kelayakan di perenggan 1(c); atau
- (ii) lulus Peperiksaan Badan Ikhtisas Bahagian I dan II anjuran Lembaga Arkitek Malaysia/ Persatuan Arkitek Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; dan
- (b) had umur pelantikan:
 - (i) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau
 - (ii) berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau
 - (iii) berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.

4. Keperluan Tambahan

Hanya calon yang telah memperoleh kelayakan/ kelulusan ijazah sarjana muda/ sarjana yang telah diiktiraf oleh senat universiti/ jawatankuasa berkaitan pada atau sebelum tarikh tutup iklan permohonan jawatan ini layak memohon selaras dengan syarat skim perkhidmatan.

5. Maklumat Syarat Lantikan

Maklumat syarat lantikan/ gaji/ tugas-tugas jawatan di pautan berikut :
<https://www.spa.gov.my/spa/laman-utama/gaji-syarat-lantikan-deskripsi-tugas/ijazah-sarjana-phd/arkitek-gred-j41>

Calon yang berminat dan memenuhi syarat yang ditetapkan hendaklah memohon secara dalam talian melalui Portal Rasmi Sistem Pendaftaran Pekerjaan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia (SPA9): <https://spa9.spa.gov.my>. Calon yang telah mendaftarkan permohonan bagi jawatan di atas **tidak perlu mendaftar semula sekiranya permohonan masih dalam tempoh sah laku pada tarikh tutup iklan.** Walau bagaimanapun, calon perlu memastikan pusat temu duga dikemas kini pada atau sebelum tarikh tutup iklan. Hanya permohonan calon yang diterima sebelum atau pada tarikh tutup iklan akan diproses. Tarikh tutup permohonan bagi urusan pengambilan ini adalah sebelum atau pada **16 Ogos 2021 (Isnin), jam 11.59 malam.**

MOHONLAH SECARA ONLINE DI



<https://spa9.spa.gov.my/>



SPAMalaysia.gov



SPAMalaysia_gov



spa.malaysia



SPAJPM